



**UCAPAN
YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

**SEMINAR LITERASI UNDANG-UNDANG
DAN PENGURUSAN EMOSI**

&

**MAJLIS PELANCARAN RUMAH PERLINDUNGAN WANITA
SARAWAK**

15 JULAI 2016

KUCHING, SARAWAK

ANJURAN BERSAMA

**JABATAN PEMBANGUNAN WANITA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

DAN

**JABATAN WANITA DAN KELUARGA SARAWAK
KEMENTERIAN KEBAJIKAN, WANITA DAN PEMBANGUNAN
KELUARGA SARAWAK**

[SALUTATION LIST]

Assalamualaikum W.B.T, Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia,

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana mengurniakan masa, tenaga dan kesihatan kepada saya untuk bersama-sama hadirin sekalian bersempena Majlis Perasmian Seminar Literasi Undang-Undang dan Kesejahteraan Emosi bagi tahun 2016 dan Majlis Pelancaran Rumah Perlindungan Wanita di Sarawak. Ini juga merupakan program yang diatur sebagai salah satu siri jelajah saya untuk mendekati golongan sasaran di negeri-negeri sempena Hari Wanita yang akan disambut kemuncaknya di Putrajaya pada bulan Ogos nanti.
2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak kerana menerima pelawaan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk penganjuran bersama seminar kali ini. Terima kasih juga kepada LPPKN dan JKM yang turut serta membuat program secara NBOS pada program pada kali ini. Memandangkan kita masih dalam bulan Syawal saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin kepada semua.

Hadirin sekalian,

SIGNIFIKAN ILMU UNDANG-UNDANG DAN PENGURUSAN EMOSI KEPADA WANITA

3. Saya percaya dalam mengendalikan permasalahan di dalam kehidupan, ilmu adalah segalanya. Seseorang, tidak kira perempuan atau lelaki, perlu mempunyai ilmu pengetahuan khususnya peruntukkan undang-undang yang menzahirkan hidup mereka. Sebagai contoh, bagi menjamin kesejahteraan dan kebajikan rakyat Malaysia, kerajaan telah membuat beberapa pindaan ke atas Akta-akta yang berkaitan bagi melindungi dan memelihara rakyat dan dalam hal ini lebih melibatkan wanita kerana wanita lebih ramai menjadi mangsa kepada keganasan rumah tangga. Dalam Akta Keganasan Rumah tangga pindaan 2012 iaitu meluaskan takrifan keganasan rumah tangga dengan memasukkan elemen penderaan psikologi dan kecederaan emosi sebagai salah satu bentuk keganasan yang sebelum ini hanya menekankan aspek penderaan berbentuk fizikal dan seksual. Pindaan ini secara tidak langsung membolehkan sesiapa sahaja termasuk para suami yang didera secara emosi boleh membuat aduan.

4. Selain itu, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 pula digubal bagi melindungi mangsa pemerdagangan orang dan penyeludupan migran yang sebahagian besarnya merupakan golongan wanita. KPWKM selaku pengerusi jawatankuasa perlindungan dan penjagaan mangsa di bawah Majlis Anti pemerdagangan Orang bertanggungjawab memastikan kebajikan mangsa sepanjang tempoh mangsa berada di bawah arahan perlindungan mahkamah dipelihara sebelum dihantar pulang ke tempat asal. Semenjak tahun 2008 hingga kini, lebih daripada 2,133 orang

mangsa wanita telah diberi penjagaan, perlindungan dan kaunseling di rumah perlindungan KPWKM.

5. Selain itu, kemahiran yang khusus dalam menangani emosi juga penting kerana emosi adalah elemen dalam diri manusia yang paling '*fragile*'. Sekiranya emosi ini terganggu, tercalar dan terdedah dengan pengalaman-pengalaman pahit yang amat terkesan dalam diri seseorang boleh menjejaskan kesihatan mental mereka. Terdapat juga sebilangan daripada mangsa menunjukkan simptom-simptom kemurungan, ketakutan yang amat (*fear*), ketidakupayaan (*helplessness*), perasaan ngeri (*horror*), *anxiety*, kemarahan, *flashbacks*, kurang tumpuan, mimpi ngeri, dan lain-lain lagi.
6. Oleh itu, gabungan program Literasi Undang-Undang dan Kesejahteraan Emosi seperti ini adalah usaha yang baik dalam membentuk satu platform yang lebih holistik. Gabungan dua ilmu ini adalah bagi mengetahui dengan lebih mendalam mengenai bentuk keganasan yang berlaku di negara ini yang melibatkan mangsa wanita serta intervensi atau rawatan terkini dalam mengendalikan kes tersebut.

RUMAH PERLINDUNGAN DAN KAEDAH MENANGANI ISU PEMERDAGANGAN ORANG

7. Pada tahun ini, KPWKM telah mengadakan bengkel bagi melihat semula peruntukan undang-undang dalam menangani keganasan terhadap wanita di dalam Akta Keganasan Rumah

Tangga. Antara perkara yang dibincangkan adalah memperoleh data-data terkini mengenai jenis keganasan rumah tangga, latar belakang pelaku dan mangsa serta hubungan antara mangsa dengan pelaku keganasan rumah tangga, mengkaji kesan keganasan rumah tangga ke atas aspek sosioekonomi; dan mencadangkan strategi-strategi untuk menangani keganasan rumah tangga terutama terhadap wanita dan kanak-kanak.

8. Dari aspek perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga pula, KPWKM telah menyediakan sebanyak 43 buah tempat selamat iaitu 36 buah dikendalikan oleh JKM dan 7 buah dikendalikan pertubuhan bukan Kerajaan di seluruh negara.
9. Bagi wanita mangsa pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, KPWKM telah menyediakan 4 buah rumah perlindungan yang turut mengadakan khidmat kaunseling dan perkhidmatan lain termasuklah yang berkaitan pemulihan mangsa, penghantaran mangsa pulang ke negara asal dan usaha mengintegrasikan semula mangsa ke dalam masyarakat. Sehingga kini terdapat 5,998 orang mangsa telah diberi perlindungan dan pemulihan.
10. Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur dan maju telah menyediakan banyak peluang pekerjaan dan menarik ramai rakyat asing ke negara kita terutamanya dari negara jiran. Oleh yang demikian, Malaysia dalam kontek jenayah rentas sempadan yang melibatkan pemerdagangan manusia merupakan sebuah negara destinasi dan negara transit dan juga negara sumber. Sebagai sebuah negara yang berjiran, Malaysia seperti negara-

negara lain juga turut akur untuk menyediakan penjagaan dan perlindungan kepada mangsa pmerdagangan orang sebagai obligasi antarabangsa di bawah *CEDAW, CRC dan CRPD*.

11. Bagi tahun 2015, negara kita kekal pada tier 2 dalam pemerhatian (tier 2 watch list) seperti tahun 2014. Ini adalah kerana beberapa usaha yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan seperti meminda akta Anti Pmerdagangan orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 pada tahun 2015 yang antaranya telah membenarkan pihak NGO untuk menjaga yang melindungi mangsa, memberi kebebasan bergerak dan bekerja.
12. Kita sedia maklum bahawa pmerdagangan manusia boleh berlaku di mana-mana sahaja dan negeri Sarawak, sebuah negeri yang makmur sudah tentunya tidak terkecuali. Tetapi pada masa yang sama, sehingga kini, belum ada lagi rumah perlindungan bagi mangsa pmerdagangan orang di negeri ini. Mangsa yang disyaki pmerdagangan orang biasanya dihantar ke Rumah Perlindungan wanita di Kota Kinabalu bagi wanita dan seterusnya ke Semenanjung Malaysia bagi mangsa lelaki dan kanak-kanak. Perkara ini bukan sahaja memakan belanja yang tinggi malah menyukarkan proses siasatan dan penempatan.
13. Oleh yang demikian, saya dengan ini sukacitanya memaklumkan bahawa KPWKM akan melancarkan sebuah rumah perlindungan untuk menjaga dan melindungi mangsa-mangsa pmerdagangan orang di negeri Sarawak dalam masa yang terdekat ini. Diharap dengan penubuhan rumah perlindungan ini kelak akan lebih

memudahkan pihak penguatkuasa dalam urusan mengendalikan mangsa pemerdagangan orang di negeri Sarawak.

14. Pada masa yang sama juga, sejajar dengan pindaan akta ATIPSOM 2015, saya mengalu-alukan penglibatan aktif pihak NGO di seluruh negeri Sarawak. Ini termasuk mangsa pemerdagangan orang terutamanya dalam menyediakan tempat tinggal untuk mangsa serta menyediakan program atau aktiviti kepada mangsa pemerdagangan orang.

Hadirin sekalian,

PENUTUP

15. Sesungguhnya KPWKM sentiasa berusaha meningkatkan taraf hidup dan kesedaran agar dapat sama-sama kita mewujudkan masyarakat yang resilient dan berdaya saing. Masyarakat bertamadun bukan sahaja dalam pembangunan fizikal, malah pembangunan insaniah juga perlu untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang dan masyarakat yang penyayang.
16. Adalah diharapkan agar program seminar seumpama ini dapat memberi para hadirin sekalian kesedaran dan celik akal dalam membuat penilaian diri, mengenalpasti situasi sekeliling serta lebih berhati-hati dalam melibatkan pemilihan yang benar dan tepat dalam hidup.

17. Dengan itu, dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Literasi Undang-Undang dan Kesejahteraan Emosi, 2016.

Sekian dan terima kasih.